

BAB LIMA

BAB LIMA

PERLINDUNGAN BAGI MENANGANI ISU PENGANIAYAAN KANAK-KANAK DARI SUDUT PRINSIP HUKUM ISLAM

5.1 Pendahuluan

Di dalam Islam tidak ada perbincangan khusus mengenai isu penganiayaan kanak-kanak. Namun begitu, Islam amat menekankan aspek pencegahan dengan menurunkan ayat-ayat berbentuk peringatan agar umatnya menunaikan perkara yang disuruh dan menjauhi perbuatan yang ditegah. Oleh sebab itu, masih terdapat perlindungan yang diberikan oleh Islam terhadap kanak-kanak iaitu dalam bentuk hak-hak tertentu yang perlu dihormati dan pencegahan undang-undang. Apa yang boleh difahami di sini ialah, Islam mengamalkan konsep "*al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*" dalam mengaplikasikan perlindungan ini terhadap kanak-kanak. Perlindungan dalam bentuk hak merupakan "*al-amr bi al-ma'rūf*" yang perlu ditunaikan. Maka sesiapa yang mencabul hak-hak tersebut boleh dianggap telah melakukan penganiayaan terhadap kanak-kanak yang merupakan suatu perbuatan yang diharamkan oleh Islam. Perbuatan yang diharamkan ini pula perlu dicegah dengan mengenakan hukuman terhadap pencabul atau pendera tersebut sebagai "*al-nahy 'an al-munkar*". Bab ini akan memperincikan hak-hak kanak-kanak yang diperuntukkan dalam Islam serta pencegahan undang-undang iaitu hukuman-hukuman yang boleh dikenakan ke atas pendera kanak-kanak mengikut prinsip hukum Islam.

5.2 Hak Kanak-kanak Menurut Pandangan Islam

Di dalam Islam, umatnya diajar agar menerima kelahiran anak sebagai rahmat daripada Allah (s.w.t) dan kurniaan yang menguntungkan. Anak-anak diumpamakan seperti harta kekayaan yang merupakan kebanggaan manusia dan perhiasan hidup mereka. Ini jelas melalui firman Allah (s.w.t):

الْمَالُ وَالْبَنُونَ زِينَةُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا
(Surah al-Kahfi 18: 46)

Maksudnya: "Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia."

Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan "perhiasan" itu dijaga dengan baik dan dipelihara dengan sempurna serta ditunaikan segala haknya. Antara hak-hak tersebut ialah:

- i) Hak untuk hidup, keselamatan anggota dan kehormatan
- ii) Hak untuk memiliki harta dan perlindungannya
- iii) Hak nafkah, susuan, pakaian, perubatan dan tempat tinggal
- iv) Hak untuk mendapat kasih sayang
- v) Hak untuk mendapatkan pendidikan¹

¹ Lihat: Muhammad Abū Zahrah (1957), *Al-Aḥwāl al-Shakṣiyyah*, T.T.P: Dār al-Fikr al-'Arabī, m.s. 386 – 415; Mahmud Saedon Awang Othman (Dr) (1998), "Hak Kanak-kanak Menurut Pandangan Islam", *Al-Ahkam*, Jilid 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 90 – 111.

5.2.1 Hak untuk Hidup, Keselamatan Anggota dan Kehormatan

Anak-anak berhak untuk hidup. Keselamatan mereka adalah dijamin dan nyawa mereka adalah dihormati sama seperti nyawa orang dewasa. Allah telah menegaskan bahawa mereka berhak hidup dan tidak boleh dibunuh atau dianiaya.

Firman Allah (s.w.t):

وَلَا تَقْتُلُوا أَوْلَادَكُمْ مِمَّنْ إِمْلَاقٍ نَّحْنُ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَّاهُمْ
(Surah al-An'ām 6:151)

Maksudnya: "Dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka."

Ayat ini dengan jelas memberikan jaminan hak untuk hidup bagi kanak-kanak. Mereka tidak boleh dibunuh atas alasan apa sekalipun, walaupun atas alasan kepapaan atau kebuluran.

Islam juga menjamin keselamatan kanak-kanak sama seperti Islam menjamin keselamatan orang dewasa. Jaminan Islam terhadap keselamatan hidup umat manusia ini adalah tegas dan mutlak. Sesiapa mencabulnya bererti mencabul ketetapan dan perundangan Allah.² Ini jelas dinyatakan melalui firman Allah (s.w.t):

² Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit.*, m.s. 99.

وَكُتِبْنَا عَلَيْهِمْ فِيهَا أَنْ النَّفْسَ بِالنَّفْسِ وَالْعَيْنَ بِالْعَيْنِ وَالْأَنْفَ بِالْأَنْفِ وَالْأُذُنَ
بِالْأُذُنِ وَالسِّنَّ بِالسِّنِّ وَالْجُرُوحَ قِصَاصٌ فَمَنْ تَصَدَّقَ بِهِ، فَهُوَ كَفَّارَةٌ لَهُ وَمَنْ
لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ.

(Surah al-Mā'idah: 5: 45)

Maksudnya: “Dan Kami telah tetapkan atas mereka di dalam Kitab Taurat itu, bahawa jiwa dibalas dengan jiwa, dan mata dibalas dengan mata, dan hidung dibalas dengan hidung, dan telinga dibalas dengan telinga, dan gigi dibalas dengan gigi dan luka-luka hendaklah dibalas (seimbang). Tetapi sesiapa yang melepaskan hak membalasnya, maka menjadilah ia penebus dosa baginya; dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.”

Ayat di atas menegaskan bahawa nyawa dan anggota setiap orang, termasuklah kanak-kanak adalah dijamin keselamatannya. Pembunuhan, kecederaan dan penganiayaan tidak boleh dilakukan tanpa sebab yang dibenarkan oleh Islam. Sesiapa yang tidak menghukum berdasarkan apa yang diturunkan oleh Allah, maka ia adalah tergolong dalam golongan orang-orang yang zalim.

وَلَا تَقْرَبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا
(Surah al-Isrā' 17: 32)

Maksudnya: “Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

Ayat di atas jelas menunjukkan larangan keras yang diberikan oleh Allah (s.w.t) terhadap hamba-hambaNya daripada menghampiri zina. Ini bermakna, segala bentuk perbuatan yang boleh membawa kepada zina adalah diharamkan sama ada ia dilakukan kepada orang dewasa mahupun kanak-kanak. Ini kerana,

perbuatan tersebut adalah perbuatan keji yang boleh memurak-perandakan keturunan manusia serta memusnahkan kehormatan diri terutama apabila dilakukan terhadap kanak-kanak.

5.2.2 Hak untuk Memiliki Harta dan Perlindungannya

Islam membenarkan orang perseorangan termasuklah kanak-kanak untuk memiliki harta. Ini diikuti dengan galakan Islam agar harta tersebut dikembangkan selama mana ia tidak bertentangan dengan Hukum Syara' untuk menjamin hak milik harta dan perkembangannya selamat. Islam memberikan perlindungan dan jaminan keselamatan terhadap harta tersebut, termasuklah harta kanak-kanak.³

Kanak-kanak berhak memiliki harta walaupun dia tidak dibenarkan mentadbirkannya kerana belum baligh dan kurang matang. Kanak-kanak berhak menerima harta pusaka, pemberian wasiat, sedekah, zakat, menggunakan harta wakaf dan sebagainya. Firman Allah (s.w.t):

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا
تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا.
(Surah al-Nisā' 4: 7)

Maksudnya: "Orang-orang lelaki ada bahagian pesaka dari peninggalan ibu-bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pesaka dari peninggalan ibu bapa dan kerabat, samada sedikit atau banyak dari harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah)."

³ Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit.*, m.s. 100.

Ayat di atas jelas menyatakan secara umum bahawa ahli waris lelaki dan perempuan, iaitu sama ada dewasa atau kanak-kanak berhak menerima harta pusaka. Di dalam ayat lain pula Allah (s.w.t) berfirman:

وَأَتُوا الْيَتَامَىٰ أَمْوَالَهُمْ وَلَا تَتَبَدَّلُوا الْخَبِيثَ بِالطَّيِّبِ وَلَا تَأْكُلُوا
أَمْوَالَهُمْ إِلَىٰ أَمْوَالِكُمْ إِنَّهُ كَانَ حُوبًا كَبِيرًا
(Surah al-Nisā' 4:2)

Maksudnya: "Dan berikanlah kepada anak-anak yatim (yang telah baligh) itu harta mereka, dan janganlah kamu tukar-gantikan yang baik dengan yang buruk; dan janganlah kamu makan harta mereka (dengan menghimpunkannya) dengan harta kamu; kerana sesungguhnya (yang demikian) itu adalah dosa yang besar."

Ayat ini menjelaskan bahawa harta anak yatim hendaklah dijaga dan ditadbir dengan baik dan amanah. Harta tersebut juga tidak boleh diserahkan kepada mereka selagi mereka belum mencapai umur baligh dan mampu untuk mentadbirkannya. Haram memakan harta anak yatim atau menukargantikan harta mereka dengan harta yang kurang baik atau kurang nilainya.

5.2.3 Hak Nafkah, Susuan, Pakaian, Perubatan dan Tempat Tinggal

Kanak-kanak adalah amanah Allah ke atas ibu bapanya. Mereka hendaklah dijaga dan dibesarkan dengan baik dan sesuai dengan kemampuan ibu bapa. Nafkah dan makanan hendaklah diberi kerana mereka tidak boleh ditinggalkan dalam keadaan lapar dan tidak cukup makanan dan minuman. Mereka tidak boleh dibiarkan dalam keadaan berbogel, aurat mereka hendaklah ditutup, kulit mereka hendaklah dilindungi dari hujan, panas, gigitan serangga dan

seterusnya mereka hendaklah diberikan pakaian sewajarnya. Mereka hendaklah dipelihara dan dijaga agar sihat, dan jika sakit hendaklah diberi ubat dan dirawat. Tempat tinggal mereka hendaklah disediakan agar mereka tidak hidup melarat.⁴

Firman Allah (s.w.t):

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُتِمَّ الرَّضَاعَةَ
وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا
لَا تَضَارُّ وَالِدُهَا وَلَا مَوْلُودُهَا يَوْلَدُهُ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ فَإِنْ
أَرَادَا فِصَالًا عَنْ تَرَاضٍ مِنْهُمَا وَتَشَاوُرٍ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا وَإِنْ أَرَدْتُمْ أَنْ
تَسْتَرْضِعُوا أَوْلَادَكُمْ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِذَا سَلَّمْتُمْ مَا آتَيْتُم بِالْمَعْرُوفِ
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

(Surah al-Baqarah 2:233)

Maksudnya: "Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). Kemudian jika keduanya (suami isteri) mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu dengan orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan."

Ayat di atas menunjukkan bahawa nafkah, susuan, pakaian, tempat tinggal, makanan, perubatan dan kebajikan anak-anak wajib diberikan oleh ayahnya atau wali-walinya. Kebajikan anak-anak tidak boleh diabaikan.

⁴ Mahmud Saedon Awang Othman, *op.cit.*, m.s. 105.

5.2.4 Hak untuk Mendapat Kasih Sayang

Sudah menjadi tanggungjawab para ibu bapa atau penjaga untuk melimpahkan kasih sayang kepada anak-anak mereka. Ini kerana tanpa kasih sayang dan layanan yang baik terhadap anak-anak, akan menimbulkan pelbagai masalah dalam keluarga. Anak-anak tersebut akan terasa diabaikan. Akibatnya secara umum, perasaan tidak puas hati, benci dan marah akan meluap-luap dalam diri anak-anak itu. Jika para ibu bapa atau penjaga menunjukkan rasa kasih sayang mereka terhadap anak-anak, mereka akan melayani ibu bapa mereka dengan cara yang sama.⁵ Berkasih sayang memang dituntut dalam Islam sebagaimana firman Allah (s.w.t):

ذٰلِكَ الَّذِي يُبَشِّرُ اللّٰهَ عِبَادَهُ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا وَعَمِلُوا الصّٰلِحٰتِ قُلْ
لَا اَسْأَلُكُمْ عَلَيْهِ اَجْرًا اِلَّا الْمَوَدَّةَ فِى الْقُرْبٰى
(Surah al-Syūrā 42: 23)

Maksudnya: "(Limpah kurnia yang besar) itulah yang Allah gembirakan (dengannya): hamba-hambaNya yang beriman dan beramal salih. Katakanlah (wahai Muhammad): "Aku tidak meminta kepada kamu sebarang upah tentang ajaran Islam yang aku sampaikan itu, (yang aku minta) hanyalah kasih mesra (kamu terhadapku) disebabkan pertalian kerabat (yang menghubungkan daku dengan kamu supaya aku tidak disakiti)."

Bahkan Rasulullah (s.a.w) sendiri mencela orang yang tidak mengasih:hi kanak-kanak melalui sabdanya:

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ حَقَّ كَبِيرِنَا

⁵ Narizan Binti Abdul Rahman (1993/94), "Child Abuse; Protections Afforded by Law", (Tesis, Kuliyyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa), m.s. 83.

(Hadith riwayat al-Baihaqī)⁶

Maksudnya: "Bukanlah dari golongan kami sesiapa yang tidak mengasihi orang muda kita dan tidak mengakui hak orang tua kita."

5.2.5 Hak untuk Mendapatkan Pendidikan

Anak adalah amanah daripada Allah dan ia perlu dididik serta ditarbiyyah seperti yang dianjurkan oleh Islam. Anak juga ibarat kain putih yang mana ibu bapanyalah yang bertanggungjawab mencorakkan masa hadapannya, sebagaimana sabda Nabi Muḥammad (s.a.w):

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيَمَجِّسَانِهِ.

(Hadith riwayat Muslim)⁷

Maksudnya: "Tiadalah daripada anak itu kecuali dilahirkan dalam keadaan suci, maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikan anak itu Yahudi, Nasrani dan Majusi."

Justeru, ia perlu dibimbing untuk menjadi manusia yang berguna di masa hadapan dan setiap bimbingan memerlukan ilmu. Oleh sebab itulah Islam mewajibkan umatnya menuntut ilmu sebagaimana sabda Nabi Muḥammad (s.a.w):

طَلَبُ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ

(Hadith riwayat al-Baihaqī)⁸

⁶ Imām Abī Bakr Aḥmad ibn al-Husain al-Baihaqī (1990), *Shu'bu al-Imān*, Jilid 7, Bāb Fī Raḥima al-Saghīr wa Tawqīr al-Kabīr, No. hadith: 10977. Bayrūt: Dār al-'Ilmiyyah, m.s. 458.

⁷ Imām Muḥyi al-Dīn al-Nawawī (1994), *Ṣaḥīḥ Muslim*, Jilid 16, Kitāb al-Qadr, Bāb Ma'na Kullu Maulūd Yūladu 'Alā al-Fitrah, No. Hadith: 6097. Bayrūt: Dār al-Ma'rifah, m.s. 423.

⁸ Imām Abī Bakr Aḥmad ibn al-Husain al-Baihaqī, *op.cit.*, Jilid 2, Bāb Fī Talaba al-'Ilm, No. hadith: 1667, m.s. 254 – 255.

Maksudnya: "Menuntut ilmu adalah menjadi kewajipan ke atas setiap muslim."

Seterusnya orang yang berilmu pula akan diangkat darjatnya di sisi Allah (s.w.t) sebagaimana firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا قِيلَ لَكُمْ تَفَسَّحُوا فِي الْمَجَالِسِ فَافْسَحُوا يَفْسَحِ اللَّهُ لَكُمْ وَإِذَا قِيلَ انشُزُوا فَانْشُزُوا يَرْفَعِ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ
(Surah al-Mujādalah 58:11)

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang dari tempat duduk kamu (untuk orang lain), maka lapangkanlah seboleh-bolehnya, supaya Allah melapangkan (serba-serbinya) untuk kamu. Dan apabila diminta kamu bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan ugama (dari kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan."

Oleh itu, anak-anak berhak mendapat pendidikan sama ada formal atau tidak formal agar mereka boleh menjadi orang yang berilmu. Ini kerana, ilmu adalah harta yang tidak ternilai dan menjadi petunjuk serta penyuluh hidup di sepanjang zaman.

Setelah meneliti kelima-lima hak di atas, jelas di sini bahawa ia merupakan "*al-amr bi al-ma'rūf*" yang perlu ditunaikan. Jika ia tidak ditunaikan, maka penganiayaan akan berlaku. Sekiranya penganiayaan berlaku, Islam telah menetapkan bahawa suatu langkah pencegahan undang-undang perlu diambil sebagai "*al-nahy 'an al-munkar*".

Pencegahan undang-undang yang dimaksudkan di sini ialah dengan mengenakan hukuman berdasarkan tiga bentuk kesalahan; *hudūd*, *qisās* dan *ta'zīr*.

5.3 Pencegahan Undang-undang – *Hudūd*, *Qisās* dan *Ta'zīr*

Barangsiapa yang mencabul mana-mana hak kanak-kanak sepertimana yang disebutkan di atas, dianggap telah melakukan satu kesalahan jenayah kerana telah melakukan suatu perbuatan yang haram di sisi agama. Ini kerana, ia bertepatan dengan definisi *jināyah* di dalam kamus *al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah* sebagai satu perbuatan yang diharamkan ke atas harta atau nyawa.⁹ Seterusnya, perbuatan itu juga merupakan perbuatan yang diharamkan yang mendapat hukuman daripada Allah (s.w.t).¹⁰

Justeru, mereka yang melakukan kesalahan menganiaya kanak-kanak juga dianggap sebagai penjenayah yang akan dikenakan hukuman kerana telah melanggar perkara yang telah disyariatkan oleh Islam. Di dalam Islam, hukuman yang dikenakan ke atas penjenayah, kategorinya adalah ditentukan melalui bentuk jenayah itu sendiri. Kesalahan jenayah yang berdasarkan kepada hukuman yang telah ditetapkan oleh Islam terbahagi kepada tiga kategori:

1. Kesalahan *Hudūd*
2. Kesalahan *Qisās* dan *Diyah*
3. Kesalahan *Ta'zīr*

⁹ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah (1989), *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, Jilid 17. Kuwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, m.s. 130.

¹⁰ Muḥammad Fauzī Faiddullah (1966), *Fuṣūl min al-Fiqh al-Islāmī al-Ām*, T.T.P.: Maṭba'ah Jāmi'ah Dimasyq, m.s. 521.

5.3.1 Kesalahan *Hudūd*

“*Hudūd*” dari segi literal yang bermaksud pencegahan¹¹ adalah suatu kesalahan yang dihukum dengan hukuman “*had*” yang merupakan suatu hukuman yang telah ditentukan oleh *syara'* sebagai hak Allah (s.w.t). Terdapat tujuh jenis kesalahan yang termasuk di bawah kesalahan *hudūd*,¹² tetapi hanya kesalahan zina sahaja satu-satunya kesalahan *hudūd* yang berkaitan dengan isu penganiayaan kanak-kanak iaitu penganiayaan seksual. Oleh itu, definisi “zina” perlu diperjelaskan bagi melihat kaitannya dengan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak.

Ada beberapa definisi “zina” yang dikemukakan oleh *fuqahā'* dalam penulisan-penulisan mereka. Namun, “zina” boleh disimpulkan sebagai persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang wanita yang dianggap haram disetubuhinya tanpa akad atau seumpamanya (*syubhah al-'aqd*) dan tanpa hak milik (*syubhah al-milk*) atau seumpamanya, sedangkan dia seorang yang waras, baligh, bebas memilih dan tahu bahawa perbuatannya itu adalah haram.¹³ Maka, di sini dapat dirumuskan bahawa jenayah zina mempunyai dua

¹¹ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *op.cit.*, m.s. 129.

¹² Tujuh kesalahan tersebut ialah zina, menuduh zina, minum arak, mencuri, merompak, murtad dan menderhaka kepada pemerintah. Lihat: 'Abd al-Qādir 'Awdah, *op.cit.*, m.s. 243.

¹³ Abū Ishāq Ibrāhīm Al-Shīrāzī (t.t.), *Al-Muḥadḍḥab*, Jilid 2. Qāhirah: Al-Bābī al-Ḥalabī, m.s. 266; 'Alā' al-Dīn Abī Bakr ibn Mas'ūd al-Kāsānī (1328H), *Badā'i' al-Ṣanā'i' fī Tartaib al-Sharā'i'*, Jilid 7. Qāhirah: al-Jamaliyyah, m.s. 33; Abū 'Abd Allah ibn Qudāmah (1969), *Al-Mughnī*, Jilid 9. T.T.P: Maktabah al-Qāhirah, m.s. 54; Muḥammad 'Arafah al-Dusūqī (1301H), *Ḥāshiah al-Dusūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, Jilid 4. Qāhirah: Al-Azhariyyah, m.s. 313.

unsur penting, iaitu unsur fizikal yang merupakan persetubuhan haram dan unsur moral yang merupakan niat jahat.

Hukuman bagi kesalahan zina ini ialah penzina yang tidak *muḥṣan* akan dirotan sebanyak 100 kali dan dibuang daerah, walaupun terdapat percanggahan pendapat dalam hukuman yang kedua ini, sementara penzina yang *muḥṣan* pula akan direjam dan pelaksanaan hukuman tersebut hendaklah disaksikan oleh sekumpulan orang-orang yang beriman. Ini berpandukan *naṣ* daripada al-Qur’ān yang berbunyi:

الرَّانِيَةُ وَالرَّانِي فَاجْلِدُوا كُلَّ وَاحِدٍ مِّنْهُمَا مِائَةَ جَلْدَةٍ وَلَا تَأْخُذْكُم بِهِمَا رَأْفَةٌ فِي دِينِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَلَيَشْهَدُ عَذَابُهُمَا طَائِفَةٌ مِّنَ الْمُؤْمِنِينَ
(Surah al-Nūr 24:2)

Maksudnya: “Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina hendaklah kamu sebat tiap-tiap seorang dari keduanya seratus kali sebat; dan janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap keduanya dalam menjalankan hukum ugama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat, dan hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan dari orang-orang yang beriman.”

dan sabda Nabi (s.a.w) di bawah:

خُذُوا عَنِّي، خُذُوا عَنِّي، قَدْ جَعَلَ اللَّهُ لَهْنُ سَبِيلِ الْبِكْرِ بِالْبِكْرِ جَلْدُ مِائَةٍ وَنَفْيُ سَنَةٍ وَالثَّيِّبُ بِالثَّيِّبِ جَلْدُ مِائَةٍ وَالرَّجْمُ
(Hadith riwayat Muslim)¹⁴

¹⁴ Imām Muḥyi al-Dīn al-Nawawī, *op.cit.*, Jilid 11, Kitāb al-Hudūd, Bāb Had al-Zinā, No. Hadith: 4390, m.s. 189.

Maksudnya: "Ambillah dariku, ambillah dariku. Sesungguhnya Allah telah menentukan bagi mereka jalan, dara dengan teruna rotan seratus kali dan buang daerah selama setahun, manakala yang sudah kahwin dengan yang sudah kahwin seratus rotan dan rejam dengan batu."

Dengan penjelasan ini, kesalahan yang boleh dikaitkan dengan kesalahan zina melalui kes penganiayaan kanak-kanak ialah kesalahan rogol (*al-zinā bi al-ikrah*) dan *liwāt*. Walaupun kedua-dua kesalahan ini tidak menyamai kesalahan zina secara keseluruhan, ia masih lagi mempunyai persamaan dari segi kewujudan dua unsur penting iaitu persetubuhan haram dan niat jahat.

Apa yang membezakan zina dengan rogol ialah persetubuhan yang dilakukan dalam zina melibatkan kerelaan kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan, manakala persetubuhan dalam rogol hanya melibatkan kemahuan sebelah pihak iaitu lelaki dan paksaan di sebelah pihak yang lain iaitu perempuan. Dalam kes penganiayaan kanak-kanak, kesalahan rogol berlaku terhadap kanak-kanak dan ia melibatkan mangsa mahram dan bukan mahram.

Oleh itu untuk menentukan hukuman bagi perogol kanak-kanak, ia perlu dilihat dari dua sudut iaitu mangsa rogol ialah kanak-kanak dan melibatkan juga mangsa bukan mahram. Dari sudut pertama, *fuqahā'* sependapat menyatakan bahawa perogol kanak-kanak wajib dikenakan *ḥad*.¹⁵ Maka, jelas di sini bahawa

¹⁵ 'Alā' al-Dīn Abī Bakr ibn Mas'ūd al-Kāsānī (t.t.), *Badā'i' al-Ṣanā'i' fi Tartīb al-Sharā'i'*, Jilid 9. Qāhīrah: Maṭba'ah al-Imām, m.s. 4151; Imām Mālik ibn Anas (1323H), *Mudawwanah al-Kubrā*, Jilid 6. Bayrūt: Dār Sādir, m.s. 241; Imām Abī Zakariyyā Yahyā ibn Sharf al-Nawawī (t.t.), *Rawḍah al-Tālibīn*, Jilid 7. Bayrūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, m.s. 313; Abū 'Abd Allah ibn Qudāmah (1972), *Al-Mughnī*,

perogol kanak-kanak yang bukan mahram wajib dikenakan *had*. Timbul pula persoalan bagi perogol kanak-kanak mahram atau dengan istilah lain kes “sumbang mahram”. Dari sudut kedua ini, sebahagian besar *fuqahā'* berpendapat bahawa persetubuhan dengan mahram adalah zina dan wajib dikenakan *had*¹⁶ kecuali Imām Abū Hanīfah sahaja yang mewajibkan *ta'zīr*.¹⁷ Walau bagaimanapun, pendapat individu Imām Abū Hanīfah ini telah ditolak oleh *jumhūr fuqahā'*.¹⁸ Oleh itu, dapat disimpulkan dari sini bahawa perogol kanak-kanak wajib dikenakan *had* menurut prinsip hukum Islam tanpa melihat kepada status perogol sama ada abang, bapa, datuk, jiran atau penjaga kepada mangsa.

Apa yang membezakan zina dengan *liwāt* pula ialah, zina merupakan persetubuhan melalui *qubul* dan berlaku antara lelaki dengan wanita, manakala *liwāt* pula ialah persetubuhan melalui *dubur* dan biasanya berlaku antara lelaki dengan lelaki, dan boleh juga berlaku antara lelaki dan wanita. Dalam persoalan *liwāt*, *fuqahā'* melihat perkara ini secara umum tanpa mengkategorikan mangsanya orang dewasa atau kanak-kanak.

Fuqahā' berselisih pendapat dalam menentukan hukuman bagi pesalah *liwāt*. Imām Mālik,¹⁹ Syāfi'ī²⁰ dan Aḥmad²¹ berpendapat bahawa pesalah *liwāt*

Jilid 10. Bayrūt: Dār al-Kitāb al-'Arabī, m.s. 169. Lihat juga: 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 357 & 358; Abū Muḥammad Maḥmūd ibn Aḥmad al-'Ainī (1990), *Al-Bināyah fī Sharḥ al-Hidāyah*, Jilid 6, Edisi Kedua. Bayrūt: Dār al-Fikr, m.s. 266.

¹⁶ Al-Kāsānī (t.t.), Jilid 9, *op.cit.*, m.s. 4154; Imām Mālik ibn Anas (1323H), Jilid 6, *op.cit.*, m.s. 209; Al-Nawawī (t.t.), *Rawḍah al-Tālibīn*, Jilid 7, *op.cit.*, m.s. 312; Ibn Qudāmah (1972), Jilid 10, *op.cit.*, m.s. 153.

¹⁷ Al-Kāsānī (t.t.), Jilid 9, *op.cit.*, m.s. 4154.

¹⁸ Lihat: 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *ibid.*, m.s. 363.

¹⁹ Al-Dusūqī, *op.cit.*, m.s. 313.

wajib dikenakan *ḥad* kerana Allah (s.w.t) memberatkan hukuman pelakunya di dalam kitab suci al-Qur'ān, maka wajib padanya *ḥad* disebabkan wujud makna zina padanya. Imām Abū Ḥanīfah pula berpandangan bahawa wajib dikenakan *ta'zīr* sahaja bagi pesalah *liwāt*, kerana tidak berlaku pada *liwāt* itu percampuran keturunan dan tidak berlaku pada kebiasaannya kejadian pertengkaran yang membawa kepada pembunuhan pelakunya, dan ia bukan zina.²²

Walau apa pun hukuman yang dicadangkan oleh *fuqahā'* mengenai kesalahan *liwāt*, ini bukan bererti tidak wujud *ijmā'* daripada mereka dalam menganggap perbuatan *liwāt* itu satu perbuatan terkutuk dan satu dosa besar. Dalam hal ini Allah (s.w.t) berfirman:

وَلَوْ طَأَّ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِّنْ
الْعَالَمِينَ • إِنَّكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ شَهْوَةً مِّنْ دُونِ النِّسَاءِ • بَلْ
أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ
(Surah al-A'rāf 7: 80 – 81)

Maksudnya: “Dan Nabi Lut juga (*Kami* utuskan). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya: “Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.”

²⁰ Muḥammad al-Khaṭīb al-Sharḥīnī (t.t.), *Mughnī al-Muḥtāj*, Jilid 4. T.T.P: Dār al-Fikr, m.s. 144; Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, Jilid 7, *op.cit.*, m.s. 309.

²¹ Ibn Qudāmah (1972), Jilid 10, *op.cit.*, m.s. 160.

²² Al-Kāsānī (t.t.), *op.cit.*, Jilid 9, m.s. 4151 -4152. Lihat juga: Wahbah al-Zuhaylī (1996), *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Jilid 6. Dimashq: Dār al-Fikr, m.s. 66; Lihat juga: Aḥmad Faṭḥī Bahnāsī (1983), *Al-Jar'ām Fī al-Fiqh al-Islāmī*, Edisi Keenam. Bayrūt: Dār al-Shurūq, m.s. 105.

Maka dalam hal ini, tertakluk kepada pemerintah atau badan perundangan negara untuk menentukan hukuman yang sepatutnya dikenakan ke atas pesalah *liwāt* dengan memilih mana-mana pendapat mazhab yang telah dibincangkan.

5.3.2 Kesalahan *Qiṣās* dan *Diyah*

“*Qiṣās*” dari segi literal yang bermaksud persamaan²³ adalah suatu kesalahan yang dihukum dengan hukuman *qiṣās* atau *diyah* yang mana kedua-dua hukuman ini adalah hukuman yang telah ditentukan oleh *syara’* sebagai hak hamba.²⁴ Kesalahan *qiṣās* dan *diyah* ini terbahagi kepada tiga bahagian sepertimana yang dibahagikan oleh *fuqahā’*, iaitu:²⁵

- i) Jenayah membunuh
- ii) Jenayah memukul dan mencederakan
- iii) Jenayah menggugurkan kandungan.²⁶

²³ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu’ūn al-Islāmiyyah, *op.cit.*, m.s. 130.

²⁴ ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, Jilid 1, *op.cit.*, m.s. 79.

²⁵ ‘Abd al-Qādir ‘Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 5.

²⁶ Namun begitu, perbincangan ini hanya akan tertumpu kepada bahagian pertama dan kedua sahaja kerana bahagian ketiga adalah mengenai pengguguran janin yang tiada kaitan dengan isu penganiayaan kanak-kanak. Ia berbeza dengan jenayah membunuh serta jenayah memukul dan mencederakan yang berkait rapat dengan isu tersebut dalam bentuk penganiayaan fizikal.

i) Jenayah Membunuh

Dalam syariat Islam, membunuh (*qatala*) bererti satu perbuatan yang dilakukan oleh manusia yang dapat menghilangkan nyawa manusia, yang mana akibatnya hilang nyawa seseorang manusia disebabkan oleh perbuatan manusia yang lain.²⁷ Pembunuhan yang dimaksudkan di sini ialah pembunuhan yang dilakukan tanpa hak, kerana pada dasarnya pembunuhan mengikut syariat Islam terbahagi kepada dua; pembunuhan dengan hak, seperti membunuh orang yang murtad, dan pembunuhan yang diharamkan, iaitu setiap pembunuhan secara jahat. Pembunuhan jenis kedua inilah yang menjadi tajuk perbincangan di sini. Pembunuhan ini boleh dibahagikan kepada tiga bentuk iaitu:

- a) Membunuh dengan sengaja
- b) Membunuh dengan separuh sengaja
- c) Membunuh dengan tidak sengaja²⁸

a) Membunuh dengan sengaja

Membunuh dengan sengaja bererti perbuatan yang dilakukan dengan sengaja dan dengan niat membunuh.²⁹ Ini bermakna, semata-mata sengaja melakukan perbuatan jahat ke atas seseorang tidak cukup untuk menjadikan

²⁷ *Ibid.*, m.s. 6.

²⁸ Lihat: Ibn Qudāmah, Jilid 8, *op.cit.* m.s. 260; Muḥammad al-Khatīb Al-Syarbīnī (1957), *Mughnī al-Muhtāj*, Jilid 4. Qāhirah: Al-Bābī al-Ḥalabī, m.s. 3; Maṣṣūr ibn Yūnus ibn Idrīs al-Bahūtī (t.t.), *Kashshāf al-Qina 'an Mam al-Iqna'*, Jilid 4. Riyāḍ: Al-'Asr al-Ḥadīth, m.s. 504.

²⁹ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 7; Aḥmad Fathī Bahnasī, *op.cit.*, m.s. 197.

pelakunya seorang pembunuh dengan sengaja, kerana ia juga memerlukan niat hendak membunuh mangsa berkenaan. Sekiranya niat itu tiada, maka perbuatan yang menyebabkan kematian itu akan dianggap sebagai pembunuhan separuh sengaja. Hukuman bagi kesalahan membunuh dengan sengaja terbahagi kepada 3 bahagian iaitu hukuman asal, hukuman alternatif dan hukuman berbangkit.

Hukuman asal bagi kesalahan ini ialah *qisās* dan *kaffārah*.³⁰ Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, *qisās* bererti persamaan. Maka hukuman *qisās* bagi kesalahan membunuh dengan sengaja ialah dibunuh balas. Namun begitu, terdapat beberapa hal yang boleh menjadi halangan kepada pelaksanaan hukuman ini ke atas pembunuh. Salah satu daripadanya ialah yang dibunuh itu sebahagian daripada yang membunuh, iaitu apabila yang membunuh itu ayah atau ibunya.³¹ Dalam hal ini, jika seseorang ibu atau bapa telah membunuh anaknya dengan sengaja, dia tidak akan dikenakan hukuman *qisās* tetapi akan dikenakan hukuman lain dalam bentuk hukuman alternatif.

Hukuman asal yang kedua sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini ialah *kaffārah*.³² Hukuman ini hanya diwajibkan oleh Imām Syāfi'³³ sahaja dan tidak diwajibkan oleh *jumhūr fuqahā*.³⁴ Bentuk *kaffārah* yang harus dibayar bagi

³⁰ Lihat: 'Abd al-Qādir 'Awdah, *ibid.*, m.s. 115.

³¹ Lihat: Abū Ishāq Ibrāhīm al-Shīrāzī (1996), *Al-Muḥadḍḥab*, Jilid 5. Dimasyq: Dār al-Qalam, m.s. 14 – 16; Lihat juga: Aḥmad Fathī Bahnāsī (1982), *Al-Qisās fī al-Fiqh al-Islāmī*, Cetakan Ketiga. Bayrūt: Dār al-Shurūq, m.s. 58 – 62; Muḥammad Abū Zahrah (t.t.), *Al-Jarimah – Al-Jarimah wa al-'Uqūbah fī al-Fiqh al-Islāmī*. Qāhirah: Dār al-Fikr al-'Arabī, m.s. 472.

³² 'Abd al-Qādir 'Awdah, *ibid.*, m.s. 172 – 175; Wabḥah al-Zuhaylī, *ibid.*, m.s. 295 – 297.

³³ Al-Shīrāzī (t.t.), Jilid 2, *op.cit.*, m.s.217; Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tāwīn*, *op.cit.*, m.s. 228.

³⁴ Al-Kāsānī (t.t.), Jilid 9, *op.cit.*, m.s. 4657; Ibn Qudāmah (1969), Jilid 8, *op.cit.*, m.s. 515; Al-Hattāb, Jilid 6, *op.cit.*, m.s. 268.

kesalahan membunuh ialah dengan memerdekakan seorang hamba yang muslim. Sekiranya pembunuh tidak mampu berbuat demikian, maka ia wajib diganti dengan berpuasa dua bulan berturut-turut.³⁵ Di sini bolehlah dikatakan bahawa selepas Islam menghapuskan sistem perhambaan, maka *kaffārah* tidaklah lagi dalam bentuk memerdekakan seorang hamba, tetapi dalam bentuk memberi sedekah sebanyak nilai seorang hamba. Jika dia tidak mampu, maka ia perlu diganti dengan berpuasa selama dua bulan berturut-turut.³⁶

Hukuman alternatif bagi kesalahan membunuh dengan sengaja pula terdapat dalam tiga bentuk, iaitu *diyyah*, *ta'zīr* dan berpuasa³⁷. *Diyyah* ialah hukuman alternatif kepada hukuman *qisās* dan ia akan mengambil tempat *qisās* sekiranya terdapat halangan-halangan atau sebab-sebab yang menggugurkan *qisās* dari pembunuh. *Diyyah* boleh dibayar sama ada dengan unta, emas atau perak.³⁸ *Diyyah* yang wajib dalam bentuk unta ialah sebanyak 100 ekor, dalam bentuk emas 1000 dinar dan dalam bentuk perak 12 000 dirham. Ia wajib dibayar dari harta pembunuh itu sendiri secara tunai, melainkan sekiranya pihak wali si mati bersetuju dengan pembayaran secara bertangguh.³⁹ Berkenaan dengan *diyyah*

³⁵ Al-Nawawī, *Rawḍah al-Tālibīn*, *op.cit.*, m.s. 228.

³⁶ Paizah Haji Ismail (1996), *Undang-undang Jenayah Islam*, Cetakan Kedua. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, m.s. 141 – 142.

³⁷ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *op.cit.*, Jilid 2, m.s. 175.

³⁸ Ibn Qudāmah (1969), Jilid 8, *op.cit.*, m.s. 367 – 370; Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad al-Shawkānī (t.t.), *Nayl al-Awḥār: Sharḥ Muntaqā al-Akhbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, Jilid 7. Bayrūt: Dār al-Jail, m.s. 213.

³⁹ Abū al-Walīd Aḥmad ibn Muḥammad ibn Rushd (1966), *Bidāyah al-Mujtahid wa Nihāyah al-Muqtaṣid*, Jilid 2. Qāhirah: Maktabah al-Kuliyyah al-Azhariyyah, m.s. 402; Aḥmad ibn Muḥammad al-Dirdīr (1301H), *Al-Sharḥ al-Kabīr*, Jilid 4. Qāhirah: Bulaq, m.s. 281; Al-Shīrāzī (t.t.), Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 196.

perempuan pula *fuqahā'* sependapat mengatakan bahawa *diyah* mereka adalah separuh dari *diyah* lelaki.⁴⁰

Di Malaysia, adalah lebih praktikal *diyah* dilihat dari segi nilainya dalam ringgit Malaysia agar ia mudah difahami. Dalam hal ini, *World Islamic Trading Organisation* menyatakan bahawa mengikut piawai dinar emas yang digunakan pada zaman Saidina 'Umar ibn al-Khaṭṭab, satu dinar adalah bersamaan dengan 4.25 gram emas⁴¹ 22 karat (emas 916) yang berdiameter 23 milimeter.⁴² Maka, nilai 1000 dinar adalah bersamaan dengan 4.25 kilogram emas dan ia hendaklah mengikut nilai semasa. Oleh kerana nilai semasa emas sekarang ialah RM51.00 bagi satu gram⁴³, maka nilai 4.25 kilogram emas ialah bersamaan dengan RM216,750. Dengan kata lain, itulah nilai *diyah* yang perlu dibayar sekiranya ia dalam bentuk ringgit Malaysia (tertakluk kepada harga semasa emas).

Ta'zīr juga merupakan hukuman alternatif dalam kes pembunuhan dengan sengaja. Imām Mālik⁴⁴ berpendapat wajib dikenakan *ta'zīr* ke atas pembunuh sekiranya hukuman *qisās* tidak dapat dilaksanakan ke atasnya disebabkan ada halangan atau telah digugurkan. Bagi Imām Mālik *ta'zīr* ini wajib dikenakan sama

⁴⁰ Al-Dirdīr, *ibid.*, m.s. 267.

⁴¹ Kadar 1 dinar bersamaan dengan 4.25 gram emas ini adalah sama dengan hasil yang diperolehi berpandukan zakat perniagaan iaitu 20 *mithqāl* bersamaan dengan 20 dinar dan ia bersamaan dengan 85 gram emas. Apabila dibahagikan di antara 85 gram dengan 20 dinar, maka dapatlah hasilnya 4.25 gram. Ini diakui oleh Ustaz Ghazali Ibrahim, Eksekutif Unit Penerangan, Jabatan Dakwah dan Pemasaran, Pusat Zakat Selangor, Majlis Agama Islam Selangor pada 5 September 2003.

⁴² 321gold.com, "The Islamic Gold Dinar", http://www.321gold.com/info/gold_dinar.html, (1 September 2003).

⁴³ Nilai ini berpandukan nilai emas pada 08.09.2003 yang dimaklumkan oleh Puan Rohani Bt. Sulong @ Mohd. Nasir, Pengurus Marzs Jewel, Jaya Jusco, Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur.

⁴⁴ Al-Haṭṭāb, Jilid 6, *op.cit.*, m.s. 268; Ibn Rushd, *op.cit.*, m.s. 396.

ada pembunuh berkenaan dikenakan bayaran *diyah* ataupun tidak. Ia dilaksanakan dalam bentuk tahanan selama setahun dan sebat 100 kali.⁴⁵

Manakala tiga Imam mazhab lain tidak menyokong pendapat Imam Mālik dalam hal ini. Mereka berpendapat *ta'zīr* merupakan hak Allah (hak awam) bagi faedah menjaga kepentingan masyarakat dan hanya akan dikenakan apabila hukuman *qisās* digugurkan daripada pembunuh. Bagi mereka, tidak ada suatu bentuk tertentu bagi *ta'zīr*, tetapi sebaliknya terpulang kepada badan perundangan untuk menentukan satu bentuk *ta'zīr* yang dapat memberi pengajaran kepada pembunuh.⁴⁶

Puasa pula adalah hukuman alternatif kepada hukuman *kaffārah* iaitu memerdekakan hamba. Ia wajib dilakukan sekiranya pembunuh tidak mampu memerdekakan seorang hamba sebagaimana yang telah ditetapkan oleh *syara'*. Tempoh berpuasa ialah selama dua bulan berturut-turut. Menurut Imam Mālik⁴⁷ dan Abū Ḥanīfah, tidak ada hukuman lain sebagai alternatif kepada hukuman berpuasa ini sekiranya si pembunuh tidak mampu berpuasa. Ia akan tetap menjadi tanggungan ke atas dirinya.⁴⁸ Sesetengah *fuqahā'* dalam mazhab Syāfi'i dan Ahmad pula berpendapat bahawa si pembunuh boleh memberi makan 60 orang

⁴⁵ Imam Mālik ibn Anas (1323H), *op.cit.*, Jilid 6, m.s. 403.

⁴⁶ Ibn Qudāmah (1972), Jilid 10, *op.cit.*, m.s. 347; Al-Qāḍī Abū al-Hasan al-Māwardī (1328H), *Al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, Qāhīrah: Al-Sa'ādah, m.s. 299; Ibn 'Ābidīn, *op.cit.*, m.s. 230.

⁴⁷ Al-Ḥaṭṭāb, Jilid 4, *op.cit.*, m.s. 127.

⁴⁸ Ibrāhīm Zain al-Dīn ibn Nujaim (1320) *Al-Baḥr al-Rā'iq Sharḥ Kanz al-Daqa'iq*, Jilid 8. Qāhīrah: Al-Maimāniyyah, m.s. 329.

fakir miskin sebagai alternatif kepada puasa sekiranya dia tidak mampu untuk berpuasa.⁴⁹

Hukuman berbangkit bagi pembunuhan sengaja pula adalah dalam bentuk dua hukuman iaitu haram dari menerima pusaka dan haram dari menerima wasiat.⁵⁰ Ini berdasarkan kepada dua hadith Nabi (s.a.w):

لَا يَرِثُ الْقَاتِلُ شَيْئًا •

(Hadith riwayat Abū Dāwud)⁵¹

Maksudnya: "Tidak mewarisi seorang pembunuh itu suatu apa pun."

لَيْسَ لِقَاتِلٍ مِيرَاثٌ •

(Hadith riwayat Mālik di dalam al-Mu'atta' dan Ahmad serta Ibn Mājah)⁵²

Maksudnya: "Tidak ada bagi si pembunuh harta pusaka."

Maka, apa yang boleh difahami di sini ialah hukuman berbangkit ini hanya akan timbul apabila ia melibatkan penjenayah yang merupakan ahli waris kepada si mati sahaja dan tidak akan timbul apa-apa hukuman berbangkit jika berlaku sebaliknya.

⁴⁹ Al-Shīrāzī (t.t.), Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 234; Ibn Qudāmah (1969), Jilid 10, *op.cit.*, m.s. 41.

⁵⁰ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 185.

⁵¹ Muḥammad ibn 'Alī ibn Muḥammad al-Shawkānī (t.t.), *Nayl al-Awṭār: Sharḥ Muntaqā al-Akḥbār min Aḥādīth Sayyid al-Akḥbār*, Juzu' 6, Kitāb al-Farā'id, Bāb 'Inna al-Qātil Lā Yarīthu, No. Hadith: 1. Miṣr: Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, m.s. 84.

⁵² *Ibid*, No. hadith: 2, m.s. 84.

b) Membunuh dengan separuh sengaja

Membunuh dengan separuh sengaja ialah perbuatan yang dilakukan dengan sengaja tetapi bukan dengan niat hendak membunuh.⁵³ Dengan kata lain, ia bererti sengaja melakukan perbuatan jahat ke atas mangsa tanpa bertujuan hendak membunuhnya, tetapi telah mengakibatkan kematian mangsa tersebut. Sebagai contoh, seseorang itu telah mengakibatkan kematian seorang kanak-kanak setelah dipukul dengan benda keras tanpa niat untuk membunuhnya. Hukuman bagi pembunuhan separuh sengaja juga terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hukuman asal, hukuman alternatif dan hukuman berbangkit.

Hukuman asal bagi kesalahan ini ialah *diyah* dan *kaffārah*.⁵⁴ Jenis *diyah* dan bentuk *kaffārah* yang dikenakan dalam kesalahan ini adalah sama dengan yang ditetapkan bagi pembunuhan dengan sengaja. Bezanya, dalam kes pembunuhan separuh sengaja, *diyah* akan ditanggung bersama oleh ahli keluarga pembunuh, tidak seperti pembunuhan dengan sengaja yang perlu ditanggung oleh pembunuh sendiri.⁵⁵

Hukuman alternatif bagi pembunuhan separuh sengaja pula ialah *ta'zīr* dan puasa.⁵⁶ Hukuman berbangkit bagi pembunuhan separuh sengaja adalah sama

⁵³ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 7; Ahmad Fathī Bahnasī, *Al-Jarā'im fi al-Fiqh al-Islāmī*, *op.cit.*, m.s. 215.

⁵⁴ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 189.

⁵⁵ Lihat: Al-Sharbīnī (1957), *op.cit.*, m.s. 55; Ibn Qudāmah (1969), Jilid 8, *op.cit.*, m.s. 375; Ahmad Fathī Bahnasī (1988), *Al-Diyah fi al-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Edisi Keempat. Qāhirah: Dār al-Shurūq, m.s. 57.

⁵⁶ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 200.

dengan pembunuhan dengan sengaja iaitu haram dari menerima pusaka dan haram dari menerima wasiat.⁵⁷

c) Membunuh dengan tidak sengaja

Membunuh dengan tidak sengaja terbahagi kepada dua bentuk.⁵⁸ Pertama, tidak sengaja pada niat atau silap anggapan, seperti perbuatan menembak sesuatu sasaran yang disangkakan binatang buruan tetapi ternyata ia manusia. Kedua, tidak sengaja pada perbuatan atau perbuatan silap, seperti perbuatan mengundurkan kereta tetapi terlanggar manusia. Hukuman bagi kesalahan membunuh dengan tidak sengaja juga terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hukuman asal, hukuman alternatif dan hukuman berbangkit.

Hukuman asal bagi pembunuhan dengan tidak sengaja ialah *diyah* dan *kaffārah*.⁵⁹ Kadar *diyah* dalam kes pembunuhan dengan tidak sengaja adalah sama kadarnya dengan *diyah* dalam kes pembunuhan dengan sengaja dan separuh sengaja, iaitu 100 ekor unta. Apa yang berbeza ialah bilangan 100 ekor unta itu dibahagikan kepada lima peringkat iaitu 20 *banat makhād* (anak unta betina umur setahun), 20 *banu makhād* (anak unta jantan umur setahun), 20 *banat labūn* (anak unta betina umur mencecah tiga tahun), 20 *hiqqah* (anak unta umur mencecah

⁵⁷ *Ibid.*

⁵⁸ *Ibid.*, m.s. 104; Lihat: Ahmad Fathī Bahnasī, *Al-Jarā'im Fī al-Fiqh al-Islāmī*, op.cit., m.s. 218 & 219.

⁵⁹ 'Abd al-Qādir 'Awdah, *ibid.*, m.s. 200.

empat tahun) dan 20 *jadh'ah* (anak unta umur mencecah lima tahun).⁶⁰ Selain daripada itu, ia akan ditanggung oleh ahli keluarga pembunuh⁶¹ dan boleh dibayar secara beransur-ansur dalam masa tiga tahun.⁶² Berkaitan dengan *kaffārah*, bentuk hukumannya adalah sama dengan hukuman bagi pembunuhan dengan sengaja dan separuh sengaja.

Hukuman alternatif bagi pembunuhan tidak sengaja ialah puasa iaitu sebagai alternatif kepada hukuman asal *kaffārah* yang menghendaki si pembunuh memerdekakan seorang hamba.⁶³ Hukuman berbangkit bagi pembunuhan tidak sengaja adalah sama dengan pembunuhan dengan sengaja dan separuh sengaja iaitu haram dari menerima pusaka dan haram dari menerima wasiat.⁶⁴

ii) Jenayah Memukul dan Mencederakan

Jenayah memukul dan mencederakan adalah termasuk segala bentuk pencerobohan dan kejahatan, seperti melukakan, memukul, menarik, menekan, memotong, mencabut dan seumpamanya. Ini sesuai dengan definisinya sebagai setiap perbuatan jahat oleh seseorang ke atas orang lain yang tidak membawa kepada kematian.⁶⁵

⁶⁰ Lihat: Al-Shawkānī, *Nayl al-Auṭār: Sharḥ Muntaqā al-Akhbār min Aḥādīth Sayyid al-Akhyār*, *op.cit.*, Jilid 7, m.s. 76.

⁶¹ *Ibid.*, m.s. 80.

⁶² Ibn Qudāmah (1969), Jilid 8, *op.cit.*, m.s. 378.

⁶³ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 203.

⁶⁴ *Ibid.*

⁶⁵ *Ibid.*

Jenayah ini terbahagi kepada dua bentuk⁶⁶, iaitu jenayah dengan sengaja dan jenayah dengan tidak sengaja. Jenayah dengan sengaja bermaksud apa-apa yang disengajakan dengan niat jahat. Jenayah dengan tidak sengaja pula bererti apa yang sengaja dilakukan tanpa niat jahat.

Fuqahā' membahagikan jenayah memukul dan mencederakan sama ada ia dilakukan dengan sengaja atau tidak sengaja kepada lima bentuk, berdasarkan kepada natijah dari perbuatan berkenaan. Bentuk-bentuk tersebut ialah:

- a) Memutuskan mana-mana anggota yang disifatkan sebagai anggota
- b) Menghilangkan kegunaan mana-mana anggota
- c) Melukakan di bahagian muka dan kepala
- d) Melukakan di bahagian tubuh selain dari muka dan kepala
- e) Apa-apa yang tidak termasuk dalam empat bentuk di atas⁶⁷

Berkaitan hukuman bagi jenayah memukul dan mencederakan dengan sengaja, ia terbahagi kepada dua bahagian iaitu hukuman asal dan hukuman alternatif. Menurut pendapat *jumhūr fuqahā'*, hukuman asal bagi jenayah memukul dan mencederakan dengan sengaja ialah *qisās*.⁶⁸

⁶⁶ Wahbah al-Zuhayli, *op.cit.*, m.s. 331.

⁶⁷ Lihat: Al-Kāsānī (1328H), *op.cit.*, m.s. 296; Al-Dirdīr, *op.cit.*, m.s. 222; Al-Shīrāzī (t.t.), Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 214.

⁶⁸ Al-Kāsānī (1328H), *ibid.*, m.s. 234.

Hukuman alternatif bagi jenayah memukul dan mencederakan dengan sengaja pula ialah *diyah*⁶⁹ dan *ta'zīr*.⁷⁰ *Diyah* ini wajib dibayar apabila jenayah yang dilakukan mengakibatkan kecederaan kepada mana-mana bahagian anggota secara menyeluruh, seperti kedua-dua belah tangan atau kedua-dua belah kaki dan seumpamanya.⁷¹ Akan tetapi, apabila jenayah itu hanya merosakkan sebahagian dari anggota berkenaan dan tidak sebahagian yang iain seperti sebelah tangan atau sebatang jari, maka yang wajib dibayar ialah ganti rugi.⁷² Manakala perbincangan mengenai hukuman *ta'zīr* di sini adalah sama dengan perbincangan mengenainya dalam jenayah membunuh.

Beralih kepada hukuman bagi jenayah memukul dan mencederakan dengan tidak sengaja pula, ia hanya ada satu sahaja hukuman asal iaitu *diyah*. Tiada hukuman alternatif bagi kes-kes seperti ini. Walau bagaimanapun, tidak ada apa-apa halangan jika pihak berkuasa merasakan perlu mengenakan hukuman *ta'zīr*, sama ada sebagai hukuman asal atau hukuman alternatif.⁷³

⁶⁹ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 261.

⁷⁰ *Ibid.*, m.s. 290.

⁷¹ Al-Kāsānī (1328H), *op.cit.*, m.s. 311; Ad-Dirdīr, *op.cit.*, m.s. 272; Al-Sharbīnī, *op.cit.*, m.s. 61; Al-Bahūti, Jilid 6, *op.cit.*, m.s. 37.

⁷² Al-Kāsānī (1328H), *ibid.*; Al-Sharbīnī (1957), *ibid.*, m.s. 77.

⁷³ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 2, *op.cit.*, m.s. 290.

5.3.3 Kesalahan *Ta'zīr*

"*Ta'zīr*" dari segi literal yang bererti penolakan atau penghalangan⁷⁴ adalah kesalahan yang dihukum dengan satu atau beberapa hukuman *ta'zīr*,⁷⁵ yang merupakan hukuman yang tidak ditentukan secara terperinci kadarnya oleh *syara'*⁷⁶ dan dilaksanakan sama ada untuk menjamin kepentingan individu atau kepentingan masyarakat dalam semua kes yang selain daripada kes-kes *ḥudūd* dan *qisās*.⁷⁷

Dengan kata lain, hukuman *ta'zīr* adalah hukuman alternatif bagi kesalahan *ḥudūd* atau *qisās* yang tidak cukup syarat-syaratnya atau hukuman asal bagi kesalahan-kesalahan selain daripada *ḥudūd* dan *qisās*. Hukuman ini tidak ditetapkan di dalam al-Qur'ān dan al-Sunnah. Oleh itu, kuasa untuk menentukan bentuk-bentuk hukuman terserah kepada pihak pemerintah mengikut kesesuaian hukuman dan keadaan diri penjenayah.⁷⁸ Berbalik kepada isu penganiayaan kanak-kanak, kesalahan-kesalahan yang boleh dikenakan hukuman *ta'zīr* ialah seperti mendera emosi kanak-kanak dengan kata-kata yang kesat sehingga memberi tekanan mental, mengabaikan kebajikan kanak-kanak sama ada dari segi pemeliharaan, makanan, pakaian, kesihatan dan pelajaran, menyuruh kanak-kanak mengemis atau meminta sedekah dan sebagainya.

⁷⁴ Wizārah al-Awqāf wa al-Shu'ūn al-Islāmiyyah, *op.cit.*, m.s. 130; Jāmi'ah min Kibār al-Lughawīyāh al-'Arab (1988), *Al-Mu'jam al-'Arabī al-Asāsī*, Tunis: Lārūs, m.s. 837.

⁷⁵ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 1, *op.cit.*, m.s. 80.

⁷⁶ Lihat: Muḥammad Abū Zahrah, *Al-Jarīmah wa al-'Uqūbah Fī al-Fiqh al-Islāmī*, *op.cit.*, m.s. 75.

⁷⁷ Al-Māwardī, *op.cit.*, m.s. 205; Al-Kāsānī (1328H), *op.cit.*, m.s. 63.

⁷⁸ 'Abd al-Qādir 'Awdah, Jilid 1, *op.cit.*, m.s. 686.

Tujuan utama pelaksanaan hukuman *ta'zīr* dalam syariat Islam ialah untuk tujuan pencegahan dan pengajaran di samping pemulihan dan pendidikan.⁷⁹ Maka, apa sahaja tujuan yang bertentangan dengan tujuan sebenar *ta'zīr*, ia diharamkan oleh syariat Islam. Oleh sebab itu, Islam mengharamkan *ta'zīr* yang bertujuan semata-mata untuk menyeksa dan yang boleh membawa kerosakan sama ada pada jiwa atau tubuh badan penjenayah.

Terdapat berbagai-bagai hukuman *ta'zīr* dalam syariat Islam. Antaranya ialah:

- i) Hukuman mengenai tubuh badan seperti hukuman bunuh atau sebat
- ii) Hukuman yang menyekat kebebasan seperti penjara dan buang daerah
- iii) Hukuman berbentuk harta seperti membayar ganti rugi
- iv) Menyebut kesalahan dan memberi nasihat
- v) Menghadirkan diri ke mahkamah
- vi) Memberi ingat dan amaran
- vii) Mencela
- viii) Pemulauan
- ix) Melucutkan jawatan pesalah
- x) Mengisytiharkan kesalahan⁸⁰

⁷⁹ *Ibid.*, m.s. 685 & 686.

⁸⁰ *Ibid.*, m.s. 687 – 708.

Sepertimana yang telah dinyatakan, hukuman-hukuman *ta'zīr* sebenarnya tidak terbatas pada hukuman-hukuman yang telah disebutkan ini. Bahkan terdapat pelbagai jenis lagi hukuman *ta'zīr* yang lain. Terpulanglah kepada pihak pemerintah atau badan perundangan negara untuk menentukan dan memilih apa sahaja hukuman yang sesuai bagi membanteras jenayah, dengan syarat ia tidak terpesong daripada tujuan sebenar ia dikenakan.

5.4 Kesimpulan

Melalui kupasan yang telah dibuat, dapat difahami bahawa walaupun di dalam Islam tiada perbincangan khusus mengenai penganiayaan kanak-kanak, perlindungan tetap diberikan kepada kanak-kanak iaitu dalam bentuk hak dan pencegahan undang-undang. Dua bentuk perlindungan yang diberikan ini adalah berdasarkan konsep "*al-amr bi al-ma'rūf wa al-nahy 'an al-munkar*". Dengan kata lain, hak-hak yang diberikan kepada kanak-kanak seperti hak untuk hidup, keselamatan anggota dan kehormatan, hak untuk memiliki harta dan sebagainya itu adalah suatu suruhan untuk melakukan kebaikan terhadap kanak-kanak. Akan tetapi, sekiranya suruhan itu tidak dipatuhi, maka penganiayaan akan berlaku. Jika penganiayaan berlaku, maka pencegahan undang-undang melalui hukuman amat perlu bagi mencegah sesuatu kemungkaran daripada terus berulang.

Hukuman di dalam prinsip hukum Islam, masih tidak lari daripada tiga kerangka dasarnya iaitu *hudūd*, *qisās* dan *diyah* serta *ta'zīr*. Namun begitu, ketiga-tiga bentuk

hukuman ini sudah cukup sempurna kerana mampu merangkum kesalahan bagi keempat-empat bentuk penganiayaan kanak-kanak, sama ada fizikal, seksual, emosi atau pengabaian. Sebagai bukti, hukuman yang boleh dikenakan bagi kesalahan yang melibatkan penganiayaan fizikal ialah hukuman *qisās* dan *diyah*, yang mana dalam hal ini bentuk jenayah (sama ada membunuh atau mencederakan) dan niat (sama ada sengaja, separuh sengaja atau tidak sengaja) yang akan menjadi penentu kepada hukuman yang akan dikenakan. Bagi kesalahan yang melibatkan penganiayaan seksual pula, hukuman yang boleh dikenakan ialah hukuman *ḥudūd* melalui kesalahan zina. Bagi kesalahan yang melibatkan penganiayaan emosi dan pengabaian, tertuduh boleh dikenakan hukuman *ta'zīr*. Maka di sini, dapat disimpulkan bahawa perlindungan yang diberikan oleh Islam terhadap kanak-kanak merangkumi keempat-empat aspek penganiayaan, akan tetapi perlindungan yang ada hanyalah berbentuk prinsip sahaja tanpa ada penguatkuasaan undang-undang.